

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1989/90

Jun 1990

FFP 361 Farmasi Forensik

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Siapakah yang layak untuk didaftarkan sebagai ahli farmasi berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi, 1951?
- (b) Apakah keistimewaan-keistimewaan seorang ahli farmasi berdaftar?

(16 markah)

2. (a) Terangkan bagaimana anda boleh mengimport dan menjual 1 ton Natrium Hidroksida, sesuai dengan Akta Racun, 1952.
- (b) Apakah peranan dan fungsi Ketua Pengarah Kesihatan di bawah Akta Racun, 1952?

(17 markah)

3. Apa yang anda faham dengan istilah-istilah berikut:
 - (a) Dadah Merbahaya;
 - (b) Pegawai Penguatkuasa Dadah;
 - (c) Pengedaran; dan
 - (d) Penyeliaan Peribadi Langsung Ahli Farmasi.
(Immediate Personal Supervision)

di bawah perundangan yang ada sekarang.

(16 markah)

4. (a) Apa dia preskripsi mengikut maksud Akta Racun 1952? Apakah keperluan-keperluan di bawah Akta bagi satu preskripsi bagi satu racun Kumpulan B? Terangkan tanggungjawab seorang ahli farmasi di dalam mendispenskan preskripsi yang demikian.
- (b) Tuliskan nota-nota tentang penyelenggaraan rekod-rekod Dadah Merbahaya dalam sebuah Kedai Farmasi Runcit.

(17 markah)

5. (a) Dalam keadaan apakah seseorang boleh membekalkan secara runcit Racun Bahagian 1 Kumpulan C dan E?
- (b) Kelaskan keluaran-keluaran berikut mengikut Akta Racun 1952, dan Akta Dadah Merbahaya 1952 yang mana berkenaan. (Kelaskan mengikut kedua-dua perundangan jika kedua-duanya berkenaan):-
- (a) Kapsul Difenilhidramina B.P
 - (b) Linimen Metil Salisilat B.P
 - (c) Tablet Prednisolone B.P
 - (d) Emulsi Cecair Parafin dan Fenolptalein B.P
 - (e) Krim Gentamisin B.P
 - (f) Tablet Cimetidine 200 mg
 - (g) Ubat Titis Mata Natrium Sulfasetamida 10%
 - (h) Suppositori Asetaminofen 125 mg

(17 markah)

. . . 4/-

6. (a) Apakah jenis-jenis iklan yang dilarang di bawah Akta Ubat (Pengiklanan dan Penjualan) 1956 (Semakan 1983)?
- (b) Apa yang anda faham dengan istilah "Perihal dagangan palsu" mengikut maksud Akta Perihal Dagangan 1972? Jelaskan jawapan anda dengan merujuk kepada perihal dagangan dalam drug.

(17 markah)